



BULETIN

JKR Kelantan



SIDANG REDAKSI

PENAUNG

Ir. Hj. Razani bin Ab. Lazid
Pengarah JKR Kelantan

PENASIHAT

Maria Marcus
Jurutera Awam Penguasa (J52)

KETUA EDITOR

Roslan bin Mohamed
Penolong Pegawai Senibina (J36)

EDITOR

Siti Nurul Asyikin binti Mat Alwi
Pelajar Industri UNIMAS

JURUGAMBAR

Shukri bin Hassan
Penolong Jurutera (J29)

REKABENTUK

Siti Nurul Asyikin binti Mat Alwi
Roslan bin Mohamed

PENULIS

Roslan bin Mohamed
Siti Nurul Asyikin binti Mat Alwi
Haslinda binti Ahmad
Mohd Shamsul bin Manaf
Azmi bin Abd. Aziz
Narma binti Hussin
Mohd Adzil bin Arifin

BULETIN JKR KELANTAN

kandungan

Lapor Diri Pelajar Latihan Industri Mesyuarat Penyelaras Input MKSP Aktiviti EKSA	4
Mesyuarat Puspanita JKR Negeri Kelantan Lawatan Tuan Pengarah Ke Unit / Bahagian, Ibu Pejabat JKR Kelantan	5
Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) JKR Kelantan Mesyuarat Prpgram Kumpulan Inovasi & Kreatif (KIK) JKR Kelantan	6
Mesyuarat Kakitangan CPAB & Pengurusan Korporat Mesyuarat E-SKT	7
Aktiviti EKSA Di Bahagian Pengurusan Korporat Majlis Penyerahan Projek Institut Kemahiran Belia	8
Taklimat CEECA Kunjungan Hormat Ahli Jawatankuasa Daerah PERKOBF Caw. Negeri Kelantan Ke JKR Kelantan	9
Senaman Bulanan JKR Kelantan	10
Bengkel MySPATDi SUK Mesyuarat Aset Di JKR Bachok	11
Mesyuarat Agung Puspanita Bahagian JKR Negeri Kelantan	12
Mesyuarat EKSA KursusDi SUK ESITE Lawatan Tapak Projek Dewan Serbaguna SMK Dabong	13
Sambutan Ulang Tahun Rumah Puspanita Ke 10 JKR Kelantan Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan & Pekerjaan Premis Ibu Pejabat	14
Mesyuarat Pengurusan JKR Kelantan Perasmian Aktiviti EKSA JKR Kelantan	15
Lawatan DS Ir. Dr. Roslan bin Md. Taha Ke Projek Hospital Kuala Krai Projek Kompleks Mahkamah Kota Bharu, Kelantan	16
Lawatan Kerja DS Ir. Dr. Roslan bin Md. Taha Ke Projek Jalan Kota Bharu - Kuala Terengganu KM10 - Km21 Mesyuarat EKSA Bahagian Korporat JKR Kelantan	17

KATA ALU-ALUAN PENGARAH

Assalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia.

Alhamdulillah, bersyukur saya kehadiran Allah s.w.t kerana dengan limpah kurnia dan izinNya Buletin Jabatan Kerja Raya Negeri Kelantan buat kali pertamanya berjaya diterbitkan. Adalah menjadi hasrat serta keinginan Jabatan ini untuk menjadikan Buletin ini sebagai satu saluran dalam menyampaikan maklumat dan perkembangan semasa kepada seluruh warga JKR dan pelanggan.

Akhir kata, saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung di atas kejayaan pengeluaran Buletin buat kali pertamanya. Saya berharap agar semua pihak dapat menyumbang jasa dan pandangan pada masa hadapan demi meningkatkan kualiti dan input yang bermanfaat untuk pengeluaran pada masa hadapan.



VISI

Kami akan menjadi penyedia perkhidmatan bertaraf dunia dan pusat kecemerlangan di dalam pengurusan aset, pengurusan projek dan perkhidmatan kejuruteraan demi pembangunan infrastruktur negara melalui modal insan yang kreatif dan inovatif serta teknologi terkini.

MISI

JKR menyumbang kepada pembangunan negara melalui :

- * Membantu pelanggan dalam menyampaikan hasil polisi dan perkhidmatan melalui kerjasama rakan kongsi strategik
- * Pemiawaian proses-proses dan sistem demi penyampaian hasil yang konsisten
- * Menyediakan pengurusan aset dan projek yang berkesan dan inovatif
- * Memperkasa kompetensi kejuruteraan sedia ada
- * Membangunkan modal insan dan kompetensi-kompetensi baru
- * Berpegang teguh kepada integriti dalam menyampaikan perkhidmatan
- * Membina hubungan yang harmoni dengan komuniti
- * Memelihara persekitaran di dalam penyampaian perkhidmatan

OBJEKTIF

Sebagai Perunding Utama kepada Kerajaan Malaysia, objektif Jabatan Kerja Raya adalah untuk:

"Menyerahkan produk dan melaksanakan perkhidmatan penyenggaraan yang menepati masa, kualiti dan kos yang ditetapkan bagi mencapai faedah aset yang optimum".

LAPOR DIRI PELAJAR LATIHAN INDUSTRI

3 JANUARI 2017

Sesi taklimat panduan dan peraturan bagi pelajar latihan industri telah diadakan di bilik Mesyuarat 'A' JKR Kelanta jam 8.30 pagi. Sesi ini telah disampaikan oleh En Azmi bin Aziz yang bertanggungjawab bagi setiap pengambilan dan kemasukan pelajar latihan industri di jabatan ini.



MESYUARAT PENYELARAS INPUT MKSP



9 JANUARI 2017

Mesyuarat Penyelaras Input MKSP Bil. 1/2017 telah diadakan bertempat di Bilik Mesyuarat 'A'. Mesyuarat ini adalah untuk persediaan pengumpulan laporan input daripada penyelaras yang dilantik di setiap bahagian. Semua laporan yang telah dikumpulkan akan dibentangkan pada mesyuarat MKSP yang akan diadakan pada 16 Januari 2017.

AKTIVITI EKSA

JANUARI 2017

Aktiviti gotong-royong di Bahagian Pengurusan Korporat pada bulan Januari 2017 bagi menghadapi persijilan EKSA yang akan diadakan pada bulan Oktober 2017. Aktiviti ini dilaksanakan secara berkala pada setiap hari Khamis sehinggalah mencapai persijilan EKSA dari pihak MAMPU.



MESYUARAT PUSPANITA JKR NEGERI KELANTAN

11 JANUARI 2017

Mesyuarat Puspanita JKR Negeri Kelantan bil 1/2017 telah diadakan pada 11 Januari 2017 bertempat di Bilik Gerakan JKR Kelantan. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Ketua Puspanita JKR Kelantan iaitu Pn. Hjh. Faridah Hanim binti Hashim.



LAWATAN TUAN PENGARAH KE UNIT / BAHAGIAN IBU PEJABAT JKR KELANTAN

BAHAGIAN BANGUNAN



BAHAGIAN PENGAJIAN TINGGI



BAHAGIAN PROJEK KHAS BANGUNAN

BAHAGIAN TENTERA



15 JANUARI 2017

Lawatan YBrs. Pengarah JKR Kelantan ke setiap unit bahagian JKR Kelantan bagi mengenalpasti keperluan dan susun atur yang sesuai dengan penempatan kakitangan.

MESYUARAT KAJIAN SEMULA PENGURUSAN (MKSP) JKR KELANTAN.



16 JANUARI 2017

Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) JKR Kelantan Bil. 1/2017 telah diadakan pada 16 Januari 2017 bertempat di Bilik Gerakan, JKR Kelantan. Mesyuarat ini membentangkan laporan kajian semula pengurusan bagi tahun 2016.

MESYUARAT PROGRAM KUMPULAN INOVATIF & KREATIF (KIK) JKR KELANTAN.

18 JANUARI 2017

Mesyuarat Program Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) JKR Kelantan bil.1/2017 telah diadakan pada 18 Januari 2017 bertempat di Bilik Mesyuarat 'A' JKR Kelantan.



MESYUARAT KAKITANGAN CPAB & KOPORAT

18 JANUARI 2017

Mesyuarat Kakitangan CPAB & Korporat bil 1/2017 telah diadakan di Bilik Mesyuarat 'A' JKR Kelantan. Mesyuarat ini melibatkan semua kakitangan CPAB dan Pengurusan Korporat bersama Ketua Bahagian Jurutera Awam Penguasa Pn. Maria Marcus. Mesyuarat ini membincangkan pengagihan tugas-tugas kakitangan dikedua-kedua unit dibawah pengawasan beliau.



MESYUARAT EKSA CPAB



18 JANUARI 2017

Mesyuarat Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) JKR Kelantan bil 1/2017 Zon CPAB dipengerusikan oleh En. Mohd Ridzuan bin Ab. Rahim selaku Ketua Zon CPAB.



MESYUARAT E-SKT

19 JANUARI 2017

Mesyuarat E-SKT bil. 1-2017 telah diadakan pada 19 Januari 2017 bertempat di Bilik Gerakan JKR Kelantan.



AKTIVITI EKSA DI ZON KORPORAT



FEBRUARI 2017

Aktiviti gotong-royong kakitangan dalam pelaksanaan program EKSA JKR Kelantan di Bahagian Pengurusan Korporat yang diadakan setiap hari khamis.

MAJLIS PENYERAHAN PROJEK INSTITUT KEMAHIRAN BELIA



6 FEBRUARI 2017

Majlis Penyerahan Projek Institut Kemahiran Belia yang telah disempurnakan oleh YBrs. Ir. Hj. Razani Bin Ab. Lazid, Pengarah JKR Negeri Kelantan bertempat di IKBN Tanah Merah, Kelantan.


Projek ini telah berjaya diserahkan 2 bulan lebih awal dari tarikh jangkaan serahan dan telah mencapai sasaran serahan 3 dalam 1 (CPC, Lukisan Siap Bina dan SOFA)

Bengkel MySPATA di SUK



7 FEBRUARI 2017

Bengkel MySPATA telah diadakan di SUK Negeri Kelantan.



Mesyuarat Aset di JKR Bachok



7 FEBRUARI 2017

Mesyuarat Aset bil 1-2017 yang melibatkan kakitangan JKR Kelantan dan Ibu Pejabat JKR Malaysia telah diadakan di JKR Bachok.



MESYUARAT AGUNG PUSPANITA BAHAGIAN JKR NEGERI KELANTAN



FEBRUARI 2017

Mesyuarat Agung Puspanita Ke 22 telah dirasmikan oleh YBrs. Ir. Hj. Razani Bin AB. Lazid, Pengarah JKR Negeri Kelantan bertempat di Rumah Puspanita JKR Kelantan.

TAKLIMAT CEECA



Tarikh : 7 FEBRUARI 2017
Masa : 8 pg. - 5 ptg.
Tempat : Bilik Gerakan, JKR Kelantan



KUNJUNGAN HORMAT AHLI JAWATANKUASA DAERAH PERKOBF CAW. NEGERI KELANTAN KE JKR NEGERI KELANTAN

Tarikh : 8 FEBRUARI 2017
Masa : 3 petang.
Tempat : Bilik Gerakan, JKR Kelantan.



SENAMAN BULANAN JKR KELANTAN

FEBRUARI 2017


Senaman Bulanan JKR Kelantan yang diadakan pada 2 minggu sekali bertempat di perkarangan JKR Kelantan.



Kursus di SUK ESITE

FEBRUARI 2017

Kursus Pengenalan dan Latihan Penggunaan ESITE Version 3.0 telah diadakan di SUK Negeri Kelantan disertai kakitangan JKR Kelantan.



Lawatan Tapak Projek Dewan Serbaguna SMK Dabong

13 FEBRUARI 2017

Lawatan ke tapak projek Dewan Serbaguna SMK Dabong yang terletak di Jajahan Jeli oleh Pn Maria Marcus (Jurutera Awam Penguasa CPAB & Pengurus Korporat JKR Kelantan) bagi memastikan projek berjalan dengan lancar.



SAMBUTAN ULANG TAHUN RUMAH PUSPANITA KE 10 JKR KELANTAN



14 FEBRUARI 2017

Aktiviti sambutan Hari Ulang Tahun Rumah Puspanita JKR Kelantan ke-10 pada 14 Februari 2017.

Program ini juga melibatkan semua AJK baru dan lama untuk turut serta dalam sambutan ini justeru dapat mengeratkan lagi sillaturrahim sesama ahli puspanita.



MESYUARAT JAWATANKUASA KESELAMATAN & PEKERJAAN PREMIS IBU PEJABAT



15 FEBRUARI 2017

Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan & Pekerjaan Premis Ibupejabat bil. 1-2017 telah diadakan pada 15 Februari 2017 jam 9 pagi bertempat di Bilik Gerakan, JKR Kelantan.

MESYUARAT PENGURUSAN JKR KELANTAN



20 FEBRUARI 2017

Mesyuarat Pengurusan JKR Kelantan Bil. 1/2017 dipengerusikan oleh YBrs. Ir. Hj. Razani Bin Ab.Lazid, Pengarah JKR Negeri Kelantan pada 20 Februari 2017 yang diadakan di Bilik Gerakan JKR Kota Bharu.

PELANCARAN PROGRAM EKSA JKR KELANTAN

20 FEBRUARI 2017

Program Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) telah dilancarkan oleh YBrs. Ir. Hj. Razani bin Ab. Lazid, Pengarah JKR Kelantan bertempat di Rumah Puspanita JKR Kelantan.



20-02-2017 18:53

Lawatan DS Ir. Dr. Roslan bin Md. Taha KPJKR Malaysia Ke Projek Hospital Kuala Krai

26 FEBRUARI 2017

YBhg. Dato' Sri Ir. Dr. Roslan bin Md. Taha, Ketua Pengarah JKR Malaysia bersama rombongannya bersempena dengan lawatan kerja ke Projek Cadangan Membina Hospital (268 katil) Kuala Krai, Kelantan (Reka & Bina) fasa 2: kerja bangunan dan lain-lain kerja berkaitan. Projek ini bermula 28 Mac 2014 dan tarikh siap semasa projek pada 23 Sept 2017. Kos projek ini ialah Rm 286 juta. Antara kontraktor yang terlibat ialah SPK Construction Sdn. Bhd.



Projek Kompleks Mahkamah Baru Kota Bharu, Kota Bharu, Kelantan (Reka&Bentuk)

27 FEBRUARI 2017

Projek Kompleks Mahkamah Baru Kota Bharu, Kelantan (Reka & Bentuk) telah menerima lawatan daripada YBhg. Dato' Sri Ir. Dr. Roslan bin Md. Taha, Ketua Pengarah JKR Malaysia yang bertempat di Bandar Baru Tunjung, Kota Bharu Kelantan.



Lawatan Kerja DS Ir. Dr. Roslan Md Taha Ke Projek Jalan Kota Bharu - Kuala Terengganu KM 10 - KM 21



28 FEBRUARI 2017

Lawatan Kerja YBhg. Dato' Sri Ir. Dr. Roslan bin Md. Taha, Ketua Pengarah JKR Malaysia ke projek jalan Kota Bharu - Kuala Terengganu KM10 - KM21 bersama rombongannya telah berlangsung pada 26 Februari 2017.

MESYUARAT EKSA BAHAGIAN KORPORAT JKR KELANTAN

28 FEBRUARI 2017

Mesyuarat EKSA Bil 2/2017 Bahagian Korporat JKR Kelantan bertempat di Bilik Mesyuarat 'A' JKR Kelantan dipengerusikan oleh Pn. Haslinda binti Ahmad (Jurutera Awam J41) selaku Ketua Zon Pengurusan Korporat.



**PERLAKSANAAN PROGRAM EKOSISTEM KONDUKSIF SEKTOR
AWAM (EKSA) JKR KELANTAN 2017**



POLISI EKSA JKR KELANTAN

Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) Menjadi Pemangkin Kepada Peningkatan Kualiti Kerja, Perkhidmatan Dan Produktiviti Melalui Persekitaran Kerja Yang Mesra, Bersih, Sihat, Kondusif Dan Selamat.

VISI EKSA

* Mewujudkan Persekitaran Kerja Yang Kondusif, Selamat dan Selesa Untuk Meningkatkan Produktiviti Dan Imej Jabatan Bagi Menghasilkan Perkhidmatan Terbaik Kepada Pelanggan Dan Stakeholder.

MISI EKSA




1. Menyemarakkan budaya kreativiti dan inovasi.
2. Mewujudkan hubungan harmoni dikalangan kakitangan JKR Kelantan.
3. Meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan.
4. Memberikan hasil perkhidmatan yang konsisten.

FAEDAH EKSA

- i. Mewujudkan persekitaran tempat kerja berkualiti (bersih, kemas dan rapi).
- ii. Meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan organisasi.
- iii. Mengenalpasti, mengurang dan menghapuskan pembaziran.
- iv. Meningkatkan imej agensi sector awam.
- v. Menjana idea kreatif dikalangan warga JKR Kelantan.
- vi. Meningkatkan semangat *esprit de corp*.
- vii. Meningkatkan disiplin warga jabatan.
- viii. Meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan.

CIVIL ENGINEERING DISCOVERIES

ELEMEN YANG TERDAPAT PADA SEBUAH JAMBATAN






JABATAN KERJA RAYA NEGERI KELANTAN

JKR Kelantan, Jalan Kuala Krai,

15050 Kota Bharu, Kelantan

Tel: 09-745 5800 | Fax: 09-744 7877

 : jkrkelantan@kelantan.gov.my

 : @JKRNegeriKelantan

 : @JKRKelantan